

Kembalikan Bahasa Ibunda

Mengembalikan Penggunaan Bahasa Ibunda Sebagai Bahasa Pengantar Dan Bahasa Peperiksaan Bagi Mata Pelajaran Sains Dan Matematik Di Sekolah Rendah

Memorandum kepada Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi Perdana Menteri Malaysia

(1) Pengenalan

Pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) mulai tahun 2003 telah mendapat bantahan daripada semua kaum. Walau bagaimanapun, kedua-dua mata pelajaran tersebut masih diajarkan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Manakala di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), sebagai hasil kompromi politik Majlis Tertinggi Barisan Nasional, formula "2-4-3" telah dilaksanakan mulai tahun 2003 untuk Tahap I dengan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Cina secara serentak dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik, manakala bagi Tahap II, formula "6-2-3-2" telah dilaksanakan mulai tahun 2006 untuk tujuan tersebut.

Dasar PPSMI adalah satu dasar yang akan mendatangkan impak yang mendalam kepada negara. Justeru, kerajaan seharusnya terlebih dahulu mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak serta menjalankan kajian-kajian ilmiah untuk memperjelas keberkesanan dasar PPSMI. Malangnya, sehingga hari ini, setelah 5 tahun pelaksanaan, kerajaan masih tidak mengumumkan sebarang laporan terperinci mengenai keberkesanan pelaksanaan dasar PPSMI.

Sebaliknya, berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak, khasnya kaji selidik pertubuhan-pertubuhan pendidikan pelbagai kaum dan ahli-ahli akademik, jelas sekali menunjukkan bahawa dasar PPSMI telah membawa kesan negatif yang mendalam kepada semua aliran sekolah rendah, terutamanya menjejaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan keadaan yang cukup tenat di semua aliran sekolah rendah, maka kami, Pertubuhan-Pertubuhan Pendidikan Pelbagai Kaum yang menandatangani bersama, dengan tulus ikhlasnya mengemukakan memorandum yang berjudul "*Kembalikan Bahasa Ibunda : Mengembalikan Penggunaan Bahasa Ibunda Sebagai Bahasa Pengantar Dan Bahasa Peperiksaan Bagi Mata Pelajaran Sains Dan Matematik Di Sekolah Rendah*" untuk rujukan dan pertimbangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri supaya memandang serius dan menimbang semula dasar ini demi kepentingan negara.

(2) Impak Dasar PPSMI

Kecemerlangan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan merupakan kelaziman yang diamalkan oleh dunia sejagat. Maka,

matapelajaran-matapelajaran ilmu, termasuk Sains dan Matematik hanya akan disampaikan secara berkesan melalui bahasa ibunda. Laporan pakar-pakar pendidikan luar negara dan UNESCO menunjukkan bahawa perubahan bahasa pengantar dalam keadaan kanak-kanak masih belum menguasai bahasa ibunda akan memburukkan prestasi pembelajaran mereka. Ini kerana kanak-kanak seharusnya menggunakan bahasa yang mereka paling fahami untuk tujuan belajar supaya mencapai keberkesanan pembelajaran yang optimum, terutamanya dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, sekalipun menggunakan bahasa ibunda, kedua-dua mata pelajaran ini masih menjadi satu masalah untuk dikuasai sepenuhnya, maka sekiranya bahasa asing yang mereka kurang biasa dijadikan bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, sudah pasti menjejaskan keberkesanan pembelajaran dengan teruk sekali.

Kajian luar negara membuktikan bahawa penggunaan bahasa kedua atau bahasa selain daripada bahasa ibunda dalam peringkat awal persekolahan akan membawa kesan negatif terhadap perkembangan daya pemikiran kanak-kanak dan menyebabkan kemerosotan prestasi akademik dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa. Maka, kepentingan pendidikan bahasa ibunda amat ditegaskan oleh pakar-pakar pendidikan luar negara dan UNESCO.

Di negara kita, beberapa laporan juga membuktikan keberkesanan pendidikan bahasa ibunda dalam proses pengajaran dan pembelajaran:

- Satu kajian mikro yang dilaporkan oleh Yayasan Strategik Sosial, sebuah badan di bawah kelolaan Malaysian Indian Congress (MIC) pada 23 September 2002 menunjukkan bahawa murid-murid India di SJK(T) yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah mencapai keputusan akademik yang lebih cemerlang berbanding dengan murid-murid India di SK yang mempunyai latar belakang keluarga yang sama.
- Data yang dikemukakan pada Mac 2002 dalam

Laporan Jawatankuasa Bebas Siasatan Isu Pengasingan Pelajar Mengikut Kaum di Sekolah yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan pencapaian murid-murid Melayu di SK lebih cemerlang berbanding murid-murid Melayu di SJK(C) dalam UPSR setiap tahun.

Kedua-dua laporan tersebut membuktikan keberkesanan pembelajaran kanak-kanak dengan menggunakan bahasa ibunda, maka, kerajaan tidak harus menukarkan bahasa pengantar mata pelajaran Sains dan Matematik kepada bahasa Inggeris.

Jelas sekali, dasar PPSMI yang dilaksanakan sejak tahun 2003 membawa kesan negatif di semua aliran sekolah rendah, sama ada SK, SJK(C) mahupun SJK(T):

- ① Kongres Pendidikan Melayu Ke-2 yang dianjurkan pada bulan Mac 2005, secara lantang menunjukkan bahawa kira-kira 500 ribu orang pelajar Melayu akan keciciran dalam Sains dan Matematik akibat kegagalan menguasai bahasa Inggeris. Maka, lebih ramai lagi kanak-kanak akan menjadi mangsa sekiranya kerajaan tetap meneruskan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik yang mengingkari prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa.
- ② Dapatan kajian yang dijalankan pada tahun 2005 dan 2006 oleh Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) menunjukkan bahawa formula "2-4-3" yang dilaksanakan pada Tahap I di SJK(C) bukan sahaja menjejaskan pembelajaran Sains dan Matematik, bahkan juga menjejaskan tahap penguasaan murid-murid terhadap bahasa Cina akibat jumlah waktu pengajaran bagi mata pelajaran yang disampaikan dalam bahasa Cina dikurangkan. Pelaksanaan formula "6-2-3-2" dalam Tahap II juga menimbulkan masalah-masalah seperti yang berlaku dalam Tahap I. Misalnya, 5 waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Sains yang menggunakan bahasa Cina sebelum ini

telah dikurangkan kepada 3 waktu, manakala 2 waktu lagi diperuntukkan untuk mengajar Sains dalam bahasa Inggeris, ini menyebabkan mata pelajaran Sains tidak dapat dihabiskan mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan.

- ③ Pertubuhan Pendidikan Tamil menunjukkan bahawa dasar PPSMI yang dilaksanakan di SJK(T) bukan sahaja bertentangan dengan prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa, tetapi juga akan meningkatkan kadar keciciran di kalangan murid-murid India, dan membawa implikasi negatif kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat India. Kajian menunjukkan kira-kira 85% murid-murid India di SJK(T) berasal daripada keluarga miskin, maka, SJK(T) merupakan tempat bagi mereka untuk memperolehi pendidikan asas. Di bawah dasar PPSMI, murid-murid India di SJK(T) akan keciciran di bawah dasar ini akibat kegagalan menguasai bahasa Inggeris, ini bukan sahaja menafikan peluang masyarakat India untuk mempertingkatkan tahap pendidikan dan memperbaiki taraf hidup, malah memudaratkan lagi masalah kemiskinan kaum India.

(3) Pandangan Dan Cadangan Kami **Pendidikan Bahasa Ibunda Mempertingkatkan Daya Saing Negara Dalam Era Globalisasi**

Sains dan Matematik adalah bidang yang berkembang pesat pada hari ini. Memandangkan kebanyakan sumber maklumat kedua-dua bidang tersebut disampaikan dalam bahasa Inggeris, ini menyebabkan sesetengah orang salah anggap bahawa bahasa Inggeris adalah satu-satunya bahasa ilmu, maka mencadangkan penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik supaya meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat dalam menghadapi persaingan globalisasi.

Pada hakikatnya, kejayaan kebanyakan negara-negara maju, seperti Jepun, Korea Selatan, China, Jerman, Finland dan Perancis yang mana bahasa

Inggeris bukan bahasa ibundanya telah membuktikan keberkesanan pendidikan bahasa ibunda. Sungguhpun sejak di bangku sekolah lagi, rakyat di negara-negara tersebut dididik melalui bahasa ibunda masing-masing, namun mereka mampu meningkatkan daya saing tanah air dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Pada realitinya, sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran di negara kita selama ini menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, dan telah berjaya melahirkan rakyat yang banyak berjasa kepada negara. Malaysia sebuah negara berbilang kaum, budaya dan bahasa, seperti yang ditegaskan oleh Menteri Pelajaran Malaysia, Y.B. Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein, kepelbagaian aliran pendidikan adalah kelebihan negara kita, keunikan kepelbagaian tersebut meletakkan asas kukuh kepada negara kita untuk menjadi sebuah pusat pendidikan serantau. Justeru, dalam menghadapi cabaran globalisasi, kerajaan seharusnya memperkasa dan memantapkan pendidikan bahasa ibunda semua aliran sekolah supaya kanak-kanak pelbagai kaum berpeluang memperolehi pendidikan bahasa ibunda yang berkualiti, seterusnya merealisasikan matlamat negara sebagai negara maju.

Mengembalikan Penggunaan Bahasa Ibunda Sebagai Bahasa Pengantar Dan Bahasa Peperiksaan Bagi Mata Pelajaran Sains Dan Matematik Di Sekolah Rendah

Kami membantah pelaksanaan dasar PPSMI di sekolah rendah memandangkan dasar ini mengingkari prinsip-prinsip pendidikan bahasa ibunda. Kami sekali lagi menegaskan 4 usul yang telah diluluskan sebulat suara oleh pelbagai kaum yang menghadiri "Persidangan Membantah Pengajaran Matematik Dan Sains Dalam Bahasa Inggeris" pada 10 Disember 2005:

1 Menyeru kerajaan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan bersungguh-sungguh berdasarkan prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa supaya meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di

kalangan rakyat.

- 2 Menyeru kerajaan menimbang semula kesan negatif pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah.
- 3 Menyeru kerajaan memulihkan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan peperiksaan bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah.
- 4 Menyeru parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan menegakkan pendirian untuk menyokong dan memastikan pendidikan bahasa ibunda terus berkembang dan kepelbagaian budaya semua kaum terus terjamin.

Meningkatkan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Rakyat Berdasarkan Prinsip Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa

Kami mengakui kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan bahasa pengantaraan dalam era teknologi maklumat. Kami juga menyokong sepenuh usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat, tetapi harus dilaksanakan berdasarkan kurikulum, tenaga pengajar, bahan-bahan dan kaedah pengajaran bahasa Inggeris, supaya betul-betul menepati prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa.

(4) Kesimpulan

Sepanjang tempoh 5 tahun pelaksanaan dasar PPSMI, pertubuhan-pertubuhan pendidikan daripada pelbagai kaum telah banyak kali menyuarakan kebimbangan terhadap kesan-kesan negatif yang timbul di bawah dasar ini. Pelbagai pandangan dan cadangan yang cukup bernas dan positif mengenai cara-cara meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris rakyat Malaysia mengikut prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa juga telah dikemukakan kepada kerajaan, namun hingga hari, kerajaan masih belum mengambil sebarang tindakan yang munasabah.

Oleh sebab cinta akan negara ini, dan prihatin akan pendidikan bahasa ibunda semua kaum Malaysia, kami telah menganjurkan kempen menandatangani poskad yang berjudul “Kembalikan Bahasa Ibunda”. Kempen yang mengambil masa 3 bulan ini telah berjaya mengumpul lebih daripada 100 ribu tandatangan rakyat berbilang kaum. Ini menunjukkan dasar PPSMI merupakan krisis yang dihadapi oleh semua kaum, kerana dasar ini bukan sahaja telah mengingkari prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa, bahkan juga meminggirkan penggunaan bahasa ibunda setiap kaum sebagai bahasa ilmu dalam bidang Sains dan Matematik.

Pendidikan adalah satu aspek yang penting dalam agenda pembangunan negara. Memandangkan dasar PPSMI telah menimbulkan pelbagai masalah dan kesan negatif kepada semua aliran sekolah rendah, maka, sekiranya kerajaan tetap meneruskan dasar PPSMI, bukan sahaja lebih ramai lagi kanak-kanak akan menjadi mangsa, malah juga akan melemahkan mutu pendidikan negara, dan akhirnya menjejaskan daya saing negara di dunia sejagat. Justeru, kerajaan seharusnya membatalkan dasar PPSMI, mengembalikan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan bahasa peperiksaan bagi mata pelajaran Sains dan Matematik serta mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris melalui mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Dengan tulus ikhlasnya kami menyampaikan hasrat rakyat mengenai isu pendidikan yang tersebut di atas dan besarlah harapan kami agar sudilah kiranya Yang Amat Berhormat Dato’ Seri memandang serius pandangan dan cadangan kami tentang cara-cara mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris mengikut prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Kami berharap Yang Amat Berhormat Dato’ Seri supaya mengembalikan penggunaan bahasa Ibunda sebagai bahasa pengantar dan bahasa peperiksaan bagi mata pelajaran Sains Dan Matematik



di sekolah rendah demi kepentingan pembangunan negara. Kami juga berharap Yang Amat Berhormat Dato' Seri menggubal satu dasar pendidikan negara yang memberi layanan yang samarata kepada setiap aliran sekolah serta memperkasakan semua aliran sekolah supaya mutu pendidikan negara dapat berkembang secara menyeluruh, seterusnya merealisasikan matlamat sebagai sebuah negara maju.

Pertubuhan-pertubuhan pendidikan pelbagai kaum yang bersama-sama menandatangani memorandum :

1. Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia (Dong Zong)
2. Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong)
3. Malaysia Tamil Education Research and Development Foundation
4. Pusat Pendidikan SRI-SMI Bhd (MUSLEH)
5. Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia
6. Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia
7. Nanyang University Alumni Association Of Malaya
8. The Group of Concerned Citizens
9. Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia
10. Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur & Selangor
11. The Association of Graduates from Universities and Colleges of China, Malaysia